



6 Julai 2012

Pakatan bekas banduan

KEPALA BATAS: Perkenalan singkat ketika menjalani hukuman di penjara menjadi membawa kepada kesepakatan dan terbentuknya sindiket pengedaran dadah dianggotai 10 lelaki yang aktif di Seberang Perai Utara (SPU) serta negeri jiran sejak empat bulan lalu.

Difahamkan mereka membeli dadah konvensional jenis heroin sebelum membungkus semula dadah itu dalam peket plastik seberat 1.5 gram setiap satu dan menjualnya kepada penagih.

Selain SPU, sindiket terbabit turut menjual dadah kepada penagih sekitar daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Kulim dan Sungai Petani, Kedah. Bagaimanapun, kegiatan sindiket berkenaan dilumpuhkan selepas mereka ditahan dalam serbuan pasukan khas Team Panther dari Balai Polis Butterworth diketuai Cif Inspektor Mohd Yusof Ibrahim di sebuah hotel di Jalan Raja Uda, Butterworth kira-kira jam 10.30 malam pada Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah SPU, Asisten Komisioner Zulkifli Alias berkata, pasukan berkenaan melakukan intipan selama sebulan sebelum membuat serbuan di hotel berkenaan dan berjaya menahan 10 lelaki berusia antara 28 hingga 30 tahun di dua bilik berasingan.

Menurutnya, enam lelaki ditahan dalam serbuan di bilik pertama dan kemudiannya membawa kepada penahanan empat lagi lelaki dalam bilik kedua di aras sama.

“Susulan penahanan 10 lelaki terbabit, polis merampas dadah jenis heroin seberat 1.8 kilogram yang dianggarkan bernilai RM90,000 sekali gus menjadi rampasan terbesar di SPU tahun ini.

“Selain heroin, turut dirampas dalam serbuan itu adalah dua pemanas plastik, alat penimbang, 16 unit telefon bimbit serta kamera digital,” katanya.

Zulkifli berkata, heroin yang dibungkus semula itu dijual pada harga antara RM70 hingga RM80 sebungkus dengan setiap bungkus cukup untuk empat kali suntikan.

“Polis tidak menolak kemungkinan suspek melakukan jenayah lain untuk membeli dadah berkenaan sebelum dipek semula. “Berikutan bekalan dadah konvensional termasuk heroin yang semakin berkurangan menyebabkan harganya melonjak, manakala dadah yang dirampas ini adalah dipercayai stok untuk enam bulan sindiket terbabit,” katanya.

Menurutnya, ada antara anggota sindiket terbabit baru keluar penjara dan sebahagiannya positif dadah serta mempunyai rekod jenayah dadah dan jenayah lain.

Katanya, polis masih menjalankan siasatan lanjut berkaitan kegiatan sindiket terbabit dan kes mereka kini ditahan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit kesalahan boleh membawa kepada hukuman mati mandatori.